MUDeNR

# POLISI PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN

Kementerian Sumber Asli Dan Pembangunan Bandar Sarawak (MUDeNR) sangat komited dalam memastikan segala urusan perkhidmatan di Kementerian ini dilaksanakan dengan penuh berintegriti dan beretika.

Bagi mengelak campurtangan daripada pihak yang berkentingan dan memastikan warga MUDeNR menjalankan tugas dengan telus, adil dan berintegriti, MUDeNR komited untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:-

1. Tidak membenarkan pengaruh luar dan sokongan daripada individu (dalaman atau luaran) atau organisasi luar untuk mempengaruhi permohonan dan keputusan dalam urusan rasmi MUDeNR, **KECUALI** dalam kes kes tertentu dimana mensyaratkan perlu mendapat pengesahan.
2. Perakuan-perakuan sokongan yang diterima tidak boleh sama sekali digunakan sebagai asas, merit atau kelayakan dalam mempertimbangkan sesuatu keputusan.
3. Warga MUDeNR hendaklah sentiasa bertindak berdasarkan peruntukan undang-undang, peraturan dan tatacara yang sedang berkuatkuasa.

Warga MUDeNR dan mana-mana individu serta pihak berpentingan dengan MUDeNR perlu memahami dan mematuhi polisi ini.

Kegagalan warga MUDeNR mematuhi polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib manakala kegagalan mana-mana individu serta pihak berkepentingan mematuhi polisi ini, maka pihak MUDeNR akan melaporkan kepada Badan/Agensi Penguatkuasaan untuk tindakan lanjut.

Diluluskan Oleh:

DATU HAJI ABDULLAH BIN JULAIHI
Setiausaha Tetap
Kementerian Sumber Asli Dan Pembangunan Bandar
Tarikh : 11 MAR 2026